

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022
PENGGAL PERTAMA

Terima kasih Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada untuk membentangkan usul saya di dewan ini . Saya percaya bahawa usul saya yang bertajuk **USUL INI MENYOKONG KERAJAAN NEGERI UNTUK MEMPERTIMBANGKAN STRATEGI KEJAMINAN MAKANAN .**

Tuan Yang Dipertua ,

Jaminan makanan atau *food security* ini merupakan satu situasi apabila setiap individu, pada sepanjang masa, memiliki akses ekonomi dan fizikal ke atas makanan yang cukup, selamat dan berkhasiat yang memenuhi keperluan dan citarasa pemakanan untuk hidup yang aktif dan sihat sepanjang masa. Kita sedia maklum bahawa negeri Pulau Pinang berkemungkinan akan mengalami ketidakjaminan bekalan makanan (*food insecurity*). Hal ini demikian, kenaikan harga makanan menyebabkan rakyat untuk susah mendapatkan ataupun akses kepada makanan yang berkhasiat. Isu ini memberi kesan yang besar kepada rakyat terutamanya rakyat yang dari golongan B40. Harga barang keperluan seperti ayam, telur, ikan, buah - buahan, sayur - sayuran dan banyak lagi melambung sehingga banyak rakyat tidak mampu untuk membeli untuk keperluan harian mereka.

Tuan Yang Dipertua,

Ketidakjaminan makanan bukan isu yang remeh dan perkara ini memerlukan banyak perhatian dan penyelidikan untuk memastikan rakyat Pulau Pinang mempunyai bekalan makanan yang sihat dan tidak melalui kelaparan . Hal ini demikian, ketidakmampuan untuk mendapatkan bekalan makanan berkhasiat serta kekurangan bekalan makan dapat mengundang kepada pelbagai masalah terutamanya dari segi kesihatan . Rakyat terpaksa membeli makanan yang tidak berkhasiat kerana harga yang murah dan menyebabkan kesihatan mereka merosot .Keperluan makanan tidak sepadan dengan kos sara hidup yang kian meningkat.

P U L A U P I N A N G

Tuan Yang Dipertua ,

Saya mempunyai beberapa cadangan yang boleh membantu kerajaan negeri untuk mengatasi masalah ketidakjaminan makanan kini dan pada masa hadapan. Antaranya :

1. Meningkatkan penyelidikan dan pembangunan terhadap sektor pertanian dan perikanan di Pulau Pinang.

Kerajaan melabur untuk penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan untuk meningkatkan import sektor perikanan dan pertanian di Pulau Pinang. Hal ini dapat mengurangkan

pergantungan kepada makanan import dan menggunakan teknologi untuk meningkatkan produktiviti barang dan makanan tempatan.

2. Meningkatkan penglibatan belia dalam sektor agromakanan dan pertanian .

Penglibatan belia dalam sektor agromakanan dan pertanian yang rendah mempengaruhi tenaga kerja pada masa hadapan dan juga kelangsungan sektor agromakanan. Hal ini juga akan membantu untuk mengurangkan pengantungan sumber makanan dari luar negaran.

3. Melaksanakan program sains pemakanan (*nutrition education*) dalam peringkat sekolah dan komuniti.

Program sains pemakanan yang mendidik keluarga berpendapatan rendah dalam pemilihan makanan dan kemahiran pengurusan sumber boleh mengurangkan risiko ketidakjaminan makanan .

4. Meneliti dan mengkaji data keperluan makanan dan kos sara hidup rakyat Pulau Pinang

Kerajaan negeri perlu mengkaji data mengenai sumber makanan seperti beras , sayur, ikan , ayam dan sebagainya untuk menyelaraskan dengan program pertanian yang bersesuaian dengan keperluan makanan rakyat .

Tuan Yang Dipertua,

Kesimpulannya , walaupun Pulau Pinang mahupun Malaysia tidak berlaku kebuluran dan masih stabil lagi namun kita tidak boleh lena kerana kita kena bersiap sedia untuk segala kemungkinan yang akan berlaku masa hadapan supaya generasi yang akan datang dapat menikmati makanan yang sihat dan rakyat daripada pelbagai lapisan sosioekonomi boleh mempunyai akses kepada makanan . Jaminan makanan amat penting dalam negeri kerana memberi impak kepada negara dan tanggungjawab kita untuk memastikan rakyat memperoleh makanan asas yang berkhasiat, tanpa perlu berhadapan dengan masalah kekurangan bekalan makanan atau terpaksa membayar dengan harga yang melampau. Oleh itu , saya sarankan semua pihak untuk berganding bahu untuk memastikan rakyat kita tidak ketinggalan dan mempunyai akses kepada makanan yang berkhasiat .

Sharenia A/P Gunasagaran

N31 Batu Lancang

Sidang Muda 2022 Penggal Pertama